

Suri rumah bunuh anak saudara suami dipenjara 30 tahun

KUCHING: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 30 tahun terhadap seorang suri rumah atas kesalahan membunuh anak saudara suaminya yang berusia tiga tahun pada 2021.

Pesuruhjaya Kehakiman Zaleha Mohd Yusof Pan menjatuhkan hukuman itu terhadap Elora Duka yang mengaku bersalah di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman mati atau penjara sehingga 40 tahun, dan disebat dengan sekurang-kurangnya 12 sebatan, jika sabit kesalahan.



KE PENJARA: Elora (kiri) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Kuching selepas selesai prosiding semalam.

— Gambar Kentigern Minggu

Tertuduh didakwa membunuh Bianz Erastura di sebuah rumah di Kampung Sebigo, Lundu pada 1

April 2021 sekitar jam 8 malam.

Berdasarkan fakta kes, kira-kira sejam selepas kejadian, tertuduh

membawa mangsa ke Unit Kecemasan Hospital Lundu sambil menyatakan bahawa kanak-kanak itu tercekik serta mengalami sawan.

Pemeriksaan perubatan oleh seorang doktor mendapati mangsa berada dalam keadaan lemah dengan nadi lemah, dan memerlukan rawatan kecemasan segera.

Memandangkan keadaannya yang teruk, mangsa telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak (HUS) pada jam 11 malam, malam yang sama dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU)Pediatrik.

Suri rumah bunuh anak saudara suami dipenjara 30 tahun

► Dari Muka 1

Bagaimanapun pada keesokan harinya sekitar jam 12.25 tengah hari, doktor mengesahkan kematian mangsa dan laporan polis seterusnya dibuat.

Ini membawa kepada penangkapan tertuduh pada 7 April 2021.

Difahamkan, ketika kejadian, kanak-kanak itu berada dalam keadaan baik dan mahu berbaring selepas mereka makan malam.

Tertuduh memberitahunya supaya tidak berbuat demikian serta-merta selepas makan, dengan memberi amaran bahawa ia akan menyebabkan sakit perut, tetapi kanak-kanak itu menangis.

Keadaan ini menyebabkan tertuduh cuba menutup mulut mangsa kerana bimbang orang lain mendengar dan mengesyaki penderaan.

Dalam keadaan marah, tertuduh memegang bahu kanak-kanak itu dan menggoncangnya dengan kuat, menyebabkan kepalanya terhantuk ke lantai beberapa kali apabila tilam yang digunakannya untuk berbaring, beralih.

Tertuduh kemudian menekan leher mangsa seolah-olah mencekiknya dan memberikan tekanan kuat pada perut mangsa beberapa kali.

Ketika itu, kanak-kanak terbabit masih dalam keadaan sedar, dan tertuduh mendakwa dia bertindak sedemikian kerana kecewa dengan mangsa yang tidak berhenti merengek.

Tertuduh kemudian meninggalkan mangsa di atas lantai dan memberi makan kucing peliharaannya.

Tidak lama selepas itu, anak tertuduh memaklumkan ada sesuatu yang tidak kena dengan mangsa yang dilihat tercungap-cungap.

Tertuduh kemudian menghubungi suaminya dan mereka membawa mangsa ke Hospital Lundu.

Bedah siasat yang dijalankan pada 6 April 2021 mendedahkan punca kematian adalah kecederaan di kepala dan dalam perut akibat trauma tumpul.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Aida Nurdiana, sementara tertuduh diwakili peguam lantikan mahkamah Timothy Finlayson Joel.